

Seawal Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Laksamana Cheng Ho mengetuai armada China sebanyak tujuh kali mengunjungi negara-negara di serata alam Melayu, Asia Selatan, Timur Tengah dan Benua Afrika. Hubungan rasmi antara China Dinasti Ming dengan Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin selama ratusan tahun.

Walaupun begitu, sejak tahun 1960-an hingga 1970-an, dari perspektif hubungan diplomatik China pada masa itu, Malaysia bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain pernah digolongkan dalam kalangan pihak pro-Barat yang menentang “Negara-negara Komunis” dan langsung tidak mempunyai hubungan rasmi dengan China. Pada masa itu, Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein percaya bahawa walaupun keadaan antara Malaysia dengan China jauh berbeza, kedua-dua negara masih mempunyai kesempatan untuk bekerjasama.

Oleh itu, Tun Abdul Razak mengatasi segala rintangan, mengetepikan isu hangat, seperti pertikaian Laut China Selatan dan mengambil langkah pertama yang sukar tetapi mempunyai makna sejarah untuk berhubung dengan China dengan menggunakan peluang Diplomasi Ping-pong. Pada 31 Mei 1974, Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri China, Zhou Enlai, menandatangani Pengumuman Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik China-Malaysia di Beijing. Hubungan antara kedua-dua buah negara membuka lembaran perhubungan yang baharu.

Dengan pengaruh penjalinan hubungan diplomatik Malaysia-China, kemudian Thailand, Filipina dan negara ASEAN yang lain turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Selepas itu, lawatan peringkat tertinggi antara China dengan Malaysia dikekalkan, kerjasama ekonomi dan perdagangan



Hubungan China-Malaysia dalam Era Pandemi COVID-19

MENINJAU kembali sejarah, dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Malaysia ialah negara pertama yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan China.

terus berkembang, hubungan China-Malaysia semakin baik dan stabil. Hubungan diplomatik antara China dengan Malaysia telah menjadi model kerjasama dalam pelbagai bidang di Asia Tenggara.

Inisiatif Jalur dan Jalan

Memasuki era baharu, China dan Malaysia telah menjalinkan kerjasama dalam banyak bidang seperti politik, ekonomi, budaya dan sebagainya. Malaysia adalah antara negara yang paling awal dan paling aktif bertindak balas terhadap Inisiatif Jalur dan Jalan di Asia Tenggara. Dalam latar belakang Inisiatif Jalur dan Jalan, banyak projek kerjasama antara kedua-dua buah negara yang bermanfaat, seperti Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia, Taman Perindustrian

Kuantan Malaysia-China, Melaka Gateway, Rel Hubungan Pantai Timur (ECRL), Electronic World Trade Platform (eWTP) Hub Alibaba dan sebagainya telah berjaya dilaksanakan. Jumlah perdagangan dua hala China-Malaysia telah mengekalkan pertumbuhan ekonomi selama bertahun-tahun.

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia dan Malaysia juga kekal sebagai rakan dagang terbesar China di ASEAN sejak sekian lama. Jumlah perdagangan dua hala China-Malaysia telah mencapai tahap ratusan bilion dolar. Sebagai contohnya, pada separuh pertama tahun 2019, jumlah perdagangan dua hala China-Malaysia meningkat sebanyak 10.7 peratus dan mencapai sebanyak AS\$57.35 bilion; jumlah eksport China ke Malaysia

meningkat sebanyak 12.7 peratus dan mencapai sebanyak AS\$24.35 bilion; jumlah eksport Malaysia ke China meningkat sebanyak 9.3 peratus dan mencapai sebanyak AS\$33 bilion. Selain itu, China telah menjadi sumber pelaburan asing dan sumber pelancong asing terbesar di Malaysia.

Bantuan Malaysia Terhadap China

Pada penghujung tahun 2019, wabak COVID-19 menyerang Tanah Besar China. Pada ketika China memerangi wabak itu, banyak negara telah memberikan bantuan kepada China untuk memerangi pandemik COVID-19.

Malaysia merupakan antara negara terawal yang menyokong China dalam kerja-kerja antiwabak COVID-19. Pada penghujung Januari lalu, syarikat sarung tangan di Malaysia, iaitu Top Glove, Supermax, Smart Glove, Hartalega, Kossan, YTY, Brightway, Koon Seng dan sebagainya menyumbang sebanyak 18 juta sarung tangan untuk kegunaan perubatan di Wuhan, China. Pada 21 Februari lalu, kerajaan Sarawak menyerahkan sumbangan sebanyak RM1.0 juta kepada Konsulat Jeneral China di Kuching.

Selain itu, banyak individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysia giat mengumpulkan penajaan dan bekalan, seperti topeng muka, sarung tangan dan sebagainya untuk dihantar ke China. Hal ini menyebabkan kekurangan bekalan barangan yang berkaitan di Malaysia secara sementara, sehingga mantan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen, pada 9 Februari lalu secara terbuka menggesa individu dan NGO agar mengelak daripada membeli barangan yang sudah kekurangan bekalan dan digantikan dengan barangan lain yang diperlukan oleh China tanpa

menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan barangan di Malaysia.

Buah Pic, Dibalas dengan Buah Plum

Pandemik COVID-19 tidak mengenal sempadan dan manusia. Kes pertama COVID-19 di Malaysia direkodkan pada 25 Januari 2020. Kes pertama COVID-19 untuk warga Malaysia pula berlaku pada 3 Februari, manakala kes jangkitan tempatan pertama di Malaysia berlaku pada 5 Februari lalu. Hingga 18 Jun lalu, sebanyak 8529 kes positif COVID-19 dan sejumlah 121 kes kematian direkodkan di Malaysia.

Pada 16 Mac lalu, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020. PKP tersebut telah dilanjutkan dan diubah sebanyak beberapa kali, sehinggalah yang terkini, PKP Pemulihan dilaksanakan bermula pada 10 Jun dan akan berakhir pada 31 Ogos 2020.

Seperti pepatah Cina, hadiahkan buah pic, dibalas dengan buah plum. Pada ketika keadaan COVID-19 di Malaysia semakin teruk, China yang pernah mendapat bantuan dari Malaysia membalas budi baik tersebut dengan sepenuh hati dan tenaga. Pada 16 Mac lalu, Bai Tian sebagai Duta Besar China ke Malaysia mengunjungi Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein untuk membincangkan mengenai urusan dan kerjasama dalam menangani penularan pandemik COVID-19.

Pada 18 Mac lalu, Bai Tian bertemu dengan Tan Sri Muhyiddin untuk menyatakan komitmen China untuk membantu Malaysia dalam urusan antiwabak COVID-19. Kemudian, pada 19 Mac, selepas tiga hari pertemuan Hishammuddin dengan Bai Tian, bantuan pertama peralatan perubatan dari China, iaitu 15 ribu topeng muka tiba di Hospital Sungai

Buloh. Selepas itu, atas inisiatif Kedutaan China di Malaysia, pihak rasmi China dan syarikat China, seperti China Communication Construction Company Ltd., MCKIP, Tencent, Beibu Gulf Holdings Ltd., Mammoth Foundation dan sebagainya telah menyerahkan jutaan bantuan peralatan perubatan, seperti topeng muka, kit ujian, pembersih tangan dan sebagainya ke Malaysia.

Selain bantuan material, China juga memberikan bantuan lain yang diperlukan seperti perkongsian kepakaran, maklumat, perundingan jarak jauh dan sebagainya. Pada 18 April lalu, sebanyak lapan orang pakar perubatan dari China yang mahir dalam pelbagai bidang, seperti pernafasan, rawatan rapi, psikiatri, penyakit berjangkit, analisis data, virologi dan perubatan tradisional Cina tiba di Kuala Lumpur untuk membantu Malaysia memerangi pandemik COVID-19 dengan berkongsi pengalaman mengenai kaedah pencegahan dan perawatan.

Pepatah Melayu, bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ialah gambaran yang terbaik tentang kerjasama China-Malaysia dalam usaha memerangi pandemik COVID-19. China dan Malaysia ialah jiran dan rakan yang baik. Dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19, kerajaan dan rakyat China-Malaysia sentiasa berganding bahu, saling membantu dan bersama-sama memerangi penularan wabak tersebut.

Pada akhirnya, kedua-dua buah negara pasti akan dapat mengalahkan wabak COVID-19, mengatasi kesukaran bersama-sama, serta mengeratkan hubungan persahabatan yang sudah wujud sejak sekian lama. □

Penulis ialah pensyarah dan mantan Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pengajian Bahasa dan Budaya Asia Tenggara, Guangxi University for Nationalities, China.